

PERMATA jalin kerjasama dengan empat universiti

Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri (JPM) menjalinkan kerjasama dengan empat universiti awam (UA), dua kementerian dan sebuah agensi kerajaan bagi memperkukuhkan bidang akademik dan penyelidikan berkaitan pendidikan awal kanak-kanak.

Kerjasama itu membabitkan penyediaan program latihan profesional, kesenian dan pembukaan taska PERMATA.

Empat UA berkenaan ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) selain dua kementerian iaitu Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).